

SOALAN NO: 43

Secara keseluruhan, antara tahun 2016 sehingga 1 Feb 2017, pihak SKMM telah menyiasat sebanyak **167 kes** penyalahgunaan Internet dan media sosial di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, termasuklah kes yang melibatkan penyebaran kandungan dan maklumat palsu melalui platform WhatsApp, Facebook, Twitter dan sebagainya. Dalam tempoh yang sama, **1,375** buah laman web telah disekat berkaitan kesalahan kandungan berunsur palsu.

Selain aspek penguatkuasaan, Kementerian melalui SKMM turut menggerakkan pelbagai inisiatif berbentuk kesedaran di seluruh negara, yang antara lain bertujuan mendidik masyarakat daripada aspek etika dan seterusnya bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial. Melalui program sebegini, masyarakat juga dididik agar tidak berkongsi kandungan dan maklumat yang tidak ditentusahkan, serta lebih peka dan tidak terlalu mudah mempercayai setiap perkara yang tersebar tanpa membuat semakan dengan sumber yang betul.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN
BAKRI [KUDAT]**

TARIKH : 23.3.2017 (KHAMIS)

SOALAN : 44

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf dan mengaspal Jalan Mangkubau Laut di daerah Pitas memandangkan jalan luar bandar ini merupakan laluan utama dan sering mendapat rungutan ramai pengguna.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Menaiktaraf Jalan Mengkubau Laut, Pitas telah disenaraikan dalam permohonan pelaksanaan Projek Jalan Luar Bandar di bawah RMKe-11, RP 3 Tahun 2018. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.